

88 16 MAY 1991

Petanda baik bagi Malaysia: PM

SUBANG, Rabu — Kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Usukan adalah petanda baik untuk masa depan Sabah dan Malaysia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, kemenangan calon BN, Tun Datu Haji Mustapha Datu Harun yang juga Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Negeri dalam pilihanraya kecil itu membuktikan rakyat Sabah tetap mahukan BN.

"Rakyat Sabah bukan saja mahukan BN tetapi sanggup memberikan sokongan kepada Umno di negeri itu. Ini adalah petanda

baik untuk masa depan Sabah dan masa depan negara ini," katanya kepada pemberita selepas pulang daripada percutian di Eropah selama dua minggu, di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang Kuala Lumpur di sini petang ini.

Tun Datu Haji Mustapha menang dengan majoriti 2,492 undi. Beliau memperolehi 5,672 undi mengalahkan calon Parti Bersatu Sabah (PBS), Encik Jap Omar yang mendapat 3,180 undi.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, kemenangan BN sudah diduga, walaupun dengan kekurangan undi, berikutan kempen membangkitkan perasaan benci

terhadap Kerajaan Pusat dan BN dilancarkan oleh PBS.

"Kita sedar BN memang boleh menang walaupun kelebihan undi berkurangan. Ini adalah kerana taktik yang digunakan oleh PBS dengan membangkitkan perasaan benci terhadap Kerajaan Pusat, Umno dan Semenanjung," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengakui, ada orang yang terpengaruh dengan kempen PBS memburukkan BN dan Kerajaan Pusat yang menyebabkan majoriti undi berkurangan.

"Bagaimanapun, walaupun kempen memburukkan Kerajaan Pusat ini dibuat dengan begitu

meluas, rakyat Sabah membuktikan bahawa mereka bukan saja mahukan BN tetapi sanggup memberikan sokongan kepada Umno," katanya.

Mengenai tragedi letupan dan kebakaran kilang mercun di Sungai Buloh, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia adalah tragedi yang tidak diduga.

Merujuk kepada penubuhan Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat kejadian itu, beliau berkata, cara paling baik untuk mengendalikan hal berkenaan ialah menunggu suruhanjaya selesai menyiasat serta menyiapkan laporan.